

23 SEP 1996

Mahathir - PBB

MALAYSIA KAJI LANGKAH BAIKI PERJALANAN PBB

Oleh: Syed Jamil Jaafar

LISBON, 23 Sept (Bernama) -- Malaysia yang kurang puas hati dengan perjalanan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) akan memanfaatkan pemilihan wakil tetapnya sebagai presiden perhimpunan agung untuk mengkaji apa yang perlu dibuat bagi membaiki badan dunia itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata walaupun Malaysia tidak melihat sesuatu peranan luar biasa baginya, pemilihan Tan Sri Razali Ismail meletakkan negara dalam satu kedudukan yang membolehkannya mempengaruhi perjalanan PBB.

Dr Mahathir berkata demikian kepada wartawan Malaysia di akhir lawatan tiga hari ke Portugal sebelum berlepas ke New York esok untuk menghadiri perhimpunan agung PBB.

"Kita mempunyai pandangan tertentu mengenai PBB dan sehingga kini kita tidak puas hati dengan beberapa perkara, umpamanya cara badan itu bertindak di Bosnia-Herzegovina atau tidak bertindak di tempat-tempat lain."

"Saya percaya Tan Sri Razali mempunyai beberapa idea tentang apa yang patut dibuat," kata beliau.

Ditanya apakah dengan pemilihan Razali tindakan PBB selepas ini boleh ditafsirkan sebagai memihak kepada Malaysia, Dr Mahathir berkata soal itu tidak timbul langsung.

"Saya tidak fikir +bias+ kepada Malaysia (tetapi) +bias+ kepada kebenaran, iaitu apa yang sepatutnya dibuat," kata beliau.

Dr Mahathir dijadual berucap di perhimpunan agung PBB pada 27 Sept dan menurut para pegawai, seperti biasa beliau dijangka berterus terang dalam memberi pandangannya terhadap perjalanan dan peranan pertubuhan dunia itu.

Mengenai lawatan kerjanya ke Portugal, Dr Mahathir berkata Lisbon berminat untuk menjalin hubungan yang lebih erat dengan Kuala Lumpur.

Dr Mahathir hari ini mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Portugal Antonio Guterres. Beliau juga mengunjungi Presiden Jorge Sampaio sebaik tiba di sini pada hari Jumaat.

"Portugal melihat rantau Asean sebagai suatu rantau yang dinamik dan Malaysia sebagai pintu masuk ke rantau itu," kata beliau.

Guterres memberitahu beliau bahawa Portugal berminat meningkatkan hubungan ekonomi dan dagang dengan Malaysia dan ke arah itu, bercadang membuka kedutaan di Kuala Lumpur.

Portugal kini mempunyai hanya satu kedutaan di Asean, iaitu Bangkok.

Dr Mahathir berkata kemungkinan mengadakan hubungan terus udara antara kedua-dua negara juga akan dikaji.

Selain itu pertukaran lawatan dan usaha promosi seperti pesta Portugal di Malaysia dan pesta Malaysia di sini akan ditingkatkan.

-- BERNAMA

SJ OBA